

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30143
PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Takrifan perniagaan antarabangsa adalah _____ HPK1
T1

- A. perniagaan yang tidak berasaskan pertukaran
- B. perniagaan yang dijalankan di dalam sesebuah negara
- C. perniagaan yang melihat dunia sebagai satu pasaran tunggal
- D. perniagaan yang melibatkan sesebuah negara dengan negara yang lain

2. Definisi bagi eksport tak nyata adalah _____ HPK1
T1

- A. menjual barang ke luar negara
- B. membeli barang dari negara luar
- C. menjual perkhidmatan ke luar negara
- D. membeli perkhidmatan dari negara luar

3. *"Malaysia mengeksport getah ke Jepun dan mengimport buah epal dari Australia".* HPK1
T1

Apakah faktor kewujudan situasi di atas?

- A. Perbezaan teknologi
- B. Perbezaan taraf hidup
- C. Perbezaan tingkat teknologi
- D. Perbezaan iklim dan sumber semulajadi

4. *'Sebuah negara menumpu kepada pengeluaran barang yang dihasilkan dengan kos paling minima berbanding negara lain'.* HPK1
T1

Kenal pasti faktor kewujudan perniagaan antarabangsa yang dinyatakan di atas.

- A. Perbezaan teknologi
B. Hubungan antarabangsa
C. Perbezaan kos pengeluaran
D. Perbezaan iklim dan sumber semulajadi
5. Pilih yang manakah perbezaan di antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. HPK1
T1
- I. Perniagaan antarabangsa mempunyai risiko lebih tinggi daripada perniagaan dalam negeri
II. Penggunaan dokumentasi untuk perniagaan antarabangsa adalah lebih mudah daripada perniagaan dalam negeri
III. Perniagaan dalam negeri menggunakan matawang yang sama tetapi perniagaan antarabangsa menggunakan matawang yang berbeza
IV. Perniagaan dalam negeri merangkumi aktiviti borong dan runcit sementara perniagaan antarabangsa merangkumi aktiviti import, eksport dan entreport
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
6. Apakah yang dimaksudkan dengan penswastaan? HPK1
T2
- A. Kerjasama antara negara-negara yang sedang membangun
B. Proses pemindahan daripada sektor awam kepada sektor swasta
C. Pasaran baru ekoran peningkatan kuasa beli pengguna di negara tersebut
D. Proses di mana ekonomi dunia bergerak ke arah menjadi satu ekonomi yang saling bergantung

7. Apakah aktiviti perniagaan yang melibatkan pembelian barang atau perkhidmatan dari negara luar? HPK1
T2

- A. Import
- B. Eksport
- C. Entreport
- D. Kontrak pengeluaran

8. *“Tindakan sesebuah negara mengambil alih pemilikan sesebuah firma asing dan menjadikan firma tersebut sebagai milik negara”.* HPK1
T2

Pilih jawapan yang berkaitan dengan kenyataan di atas.

- A. Globalisasi
- B. Nasionalisasi
- C. Pasaran Menimbul
- D. Dunia Tanpa Sempadan

9. Pilih antara kenyataan di bawah yang menerangkan tentang lokalisasi. HPK1
T2

- A. Kerjasama antara negara-negara membangun dengan negara-negara maju
- B. Tindakan sesebuah kerajaan mengambil alih pemilikan sesebuah firma asing
- C. Penciptaan atau pengedaran produk untuk pasaran global yang disesuaikan untuk mengikut ciri-ciri tempatan pasaran yang dimasuki
- D. Proses pengubahsuaian fungsi tertentu seperti bahasa, budaya, politik dan undang-undang mengikut citarasa pasaran ia beroperasi

10. *“Pemberian hak dan kebenaran kepada sesebuah syarikat di negara asing untuk mengeluarkan atau memasarkan atau kedua-dua sekali sesuatu jenama produknya di pasaran tempatan”.* HPK1
T2

Apakah jenis perniagaan antarabangsa di atas?

- A. Francais
- B. Subsidiari
- C. Perlesenan
- D. Usaha sama

11. Apakah maksud syarikat multinasional?

HPK1

T3

- A. Firma yang terlibat dalam pelbagai aktiviti pengeluaran
- B. Firma yang menggunakan pekerja dari pelbagai negara
- C. Firma yang beroperasi di beberapa negara pada masa yang sama
- D. Firma yang mengeluarkan pelbagai produk dan perkhidmatan di peringkat antarabangsa

12. Kenalpasti risiko manakah yang mudah diatasi oleh syarikat multinasional.

HPK1

T3

- A. Risiko perubahan politik
- B. Risiko tenaga buruh tidak berkemahiran
- C. Risiko kehilangan aset akibat peperangan
- D. Risiko kesukaran mendapat balik keuntungan

13. Pilih antara berikut yang manakah contoh syarikat multinasional yang terdapat di Malaysia.

HPK1

T3

- I. Toyota
- II. Sime Darby
- III. Pos Malaysia
- IV. Syarikat Bekalan Air Selangor

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV

14. Apakah yang mendorong Malaysia menerima kemasukan banyak pelaburan dari syarikat multinasional? HPK1
T3
- A. Kos pengangkutan yang tinggi di Malaysia
 - B. Tenaga buruh yang ramai dan berkemahiran
 - C. Malaysia mengamalkan perdagangan bebas
 - D. Kadar cukai pendapatan yang rendah di Malaysia
15. Nyatakan nama singkatan bagi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. HPK1
T4
- A. AFTA
 - B. NAFTA
 - C. ASEAN
 - D. MATRADE
16. Pilih antara negara berikut yang manakah **BUKAN** anggota ASEAN. HPK1
T4
- A. Thailand
 - B. Australia
 - C. Indonesia
 - D. Singapura
17. *“Bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada individu, unit pengeluaran atau pengeksport samada dalam bentuk bayaran langsung seperti geran atau pinjaman atau langkah-langkah yang memberikan kesan yang sama seperti bayaran langsung”.* HPK1
T5
- Apakah kaedah bukan tarif yang disediakan oleh kerajaan kepada pengeksport untuk mengurangkan kos pengeluaran?
- A. Levi
 - B. Cukai
 - C. Embargo
 - D. Subsidi Eksport

18. Pilih di antara berikut yang manakah merupakan tujuan utama kerajaan mengenakan tarif. HPK1
T5
- I. Meningkatkan peluang pelaburan
 - II. Melindungi industri muda tempatan
 - III. Menambahkan hasil kepada kerajaan
 - IV. Membaiki imbangan pembayaran negara
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
19. _____ ialah larangan kerajaan secara rasmi untuk mengimport atau mengeksport sesuatu barangan atau perkhidmatan dari atau ke sesebuah negara. HPK1
T5
- A. Tarif
 - B. Kuota
 - C. Embargo
 - D. Piawaian
20. Tujuan **UTAMA** kerajaan mengadakan kempen membeli barangan tempatan adalah untuk meningkatkan _____. HPK1
T5
- A. pengangguran
 - B. kemasukan buruh asing
 - C. daya saing industri tempatan
 - D. keuntungan kepada syarikat asing

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

- a) i. Terangkan **SATU (1)** faktor kewujudan perniagaan antarabangsa. HPK1
T1
[2 markah]
- ii. Nyatakan definisi Perniagaan Antarabangsa beserta **SATU (1)** contoh yang sesuai. HPK1
T1
[3 markah]
- b) i. Terangkan **DUA (2)** persamaan di antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. HPK1
T1
[4 markah]
- ii. Huraikan **TIGA (3)** perbezaan di antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. HPK1
T1
[6 markah]
- c) Senaraikan **LIMA (5)** kepentingan perniagaan antarabangsa. HPK1
T2
[5 markah]

SOALAN 2

- a) i. Terangkan konsep perniagaan antarabangsa yang berikut: HPK1
T2
1. Dunia Tanpa Sempadan [2 markah]
2. Globalisasi [2 markah]
3. Penswastaaan [2 markah]
- ii. Berikan definisi **DUA (2)** jenis perniagaan antarabangsa berikut: HPK1
T2
1. Usahasama [2 markah]
2. Francais [2 markah]
- b) i. Nyatakan **DUA (2)** tujuan syarikat multinasional diwujudkan. HPK1
[2 markah] T3
- ii. Nyatakan **DUA (2)** cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinational. [2 markah]
- c) Terangkan **TIGA (3)** risiko yang dihadapi oleh syarikat multinasional. HPK1
[6 markah] T3

SOALAN 3

- a) i. Nyatakan **EMPAT (4)** galakan pelaburan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan perdagangan antarabangsa. HPK1
T4
- [4 markah]*
- ii. Terangkan **DUA (2)** peranan MATRADE. HPK1
T4
- [4 markah]*
- b) i. Terangkan maksud Dasar Perlindungan Perdagangan. HPK1
T5
- [2 markah]*
- ii. Huraikan **DUA (2)** objektif perlindungan perdagangan. HPK1
T5
- [4 markah]*
- c) Terangkan **TIGA (3)** kaedah perlindungan perdagangan bukan tarif yang diwujudkan oleh kerajaan. HPK1
T5
- [6 markah]*

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab